



28 JUN, 2022

## Kegusaran mengenai ICPT dijangka timbul semula

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

## Kegusaran mengenai ICPT dijangka timbul semula

**KUALA LUMPUR:** Kebimbangan berkaitan mekanisme Kos Pelepasan Tidak Seimbang (ICPT) dijangka kembali ketara dalam tempoh enam bulan lagi selagi harga arang batu kekal meningkat, kata Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB).

Malah, bank pelaburan itu berkata tempoh beberapa pusingan pelaksanaan ICPT itu diperlukan dalam usaha meyakinkan pasaran mengenai integriti mekanisme Tenaga Nasional Berhad (TNB) tersebut.

Ia turut mengekalkan unjuran

pendapatan bagi TNB namun menurunkan harga sasaran kepada RM8.70 daripada RM9.30 bagi mencerminkan peningkatan profil risiko susulan kebimbangan ICPT yang berpotensi berlanjutan bagi tempoh lama.

Pada Jumaat, kerajaan telah mengumumkan bahawa tarif elektrik akan kekal sehingga separuh kedua 2022.

Sehubungan itu, surcaj tarif elektrik bagi pengguna domestik akan terus menikmati rebat 2.0 sen bagi setiap kilowatt jam (kWj) manakala pengguna bukan domestik daripada sektor komersial dan industri akan dikenakan surcaj 3.7 sen bagi setiap kWj.

Kerajaan sebaliknya akan menanggung subsidi bernilai RM5.8 bilion.

Maybank IB berkata setakat ini, butiran pembayaran kerajaan masih belum diketahui.

"Kami menjangkakan sebanyak RM1.2 bilion akan diperoleh meneusi surcaj 3.7sen bagi setiap kWj yang dikenakan ke

atas pengguna industri dan komersial.

"Jika dicampur dengan RM5.8 bilion subsidi langsung oleh kerajaan, kami menjangkakan TNB akan memperoleh RM7 bilion bagi separuh kedua 2022," katanya.

Sementara itu, Kenanga Research yang juga cabang penyelidikan Kenanga Investment Bank Bhd berkata, harga tenaga global melonjak dengan harga penanda aras arang batu Indonesia naik 54 peratus kepada AS\$282.02 satu tan secara purata bagi April dan Mei berbanding purata AS\$183.52 satu tan dalam suku pertama 2022.

Di bawah Tempoh Kawal Selia 3, kadar rujukan itu adalah AS\$79 satu tan bagi arang batu.

"Berdasarkan andaian harga arang batu kekal pada purata AS\$282.02 dalam suku kedua 2022 dengan gabungan arang batu tidak berubah setakat suku pertama 2022, jumlah kos arang batu akan meningkat RM3.28 bilion suku ke suku dalam suku

kedua bagi tahun kewangan 2022," katanya.

Berikutan itu, katanya, jumlah kos arang batu bagi separuh pertama 2022 adalah RM8.6 bilion atau 24.9 sen setiap kWj lebih tinggi mengikut harga asas arang batu pada AS\$79 satu tan.

"Bagaimanapun, di bawah mekanisme berasaskan insentif itu, kenaikan kos tersebut akan dilepaskan kepada pengguna atau sebahagiannya diimbangi oleh Dana Industri Elektrik dengan tempoh susulan enam bulan," katanya.

Ia turut mengekalkan penarfan 'outperform' bagi TNB dengan harga sasaran RM11.06.

Kenanga Research berkata pada masa ini, tiada sebarang butiran lanjut berkaitan dengan surcaj atau rebat tarif bagi separuh kedua 2022.

Pada 12.12 tengah hari semalam, saham TNB susut 1.5 sen kepada RM8.08 dengan sejumlah 2.72 juta saham saling berpindah tangan. - Bernama



**JUMLAH** kos arang batu bagi separuh pertama 2022 adalah RM8.6 bilion atau 24.9 sen setiap kWj lebih tinggi mengikut harga asas arang batu pada AS\$79 satu tan.